**SOALAN-SOALAN LAZIM**

**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN PASPORT**
**JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA (JIM)**
**PUTRAJAYA**

**(DIKEMASKINI PADA 19 JULAI 2021)**

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQs)**

**SECURITY AND PASSPORT DIVISION**
**IMMIGRATION DEPARTMENT OF MALAYSIA**

**(AS OF 19th JULY 2021)**

**PASPORT MALAYSIA ANTARABANGSA:**

1. **Adakah permohonan baharu atau gantian Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Ya, boleh. Semua warganegara Malaysia boleh membuat / permohonan PMA mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Permohonan baharu atau gantian boleh dibuat secara hadir fizikal manakala gantian pasport juga boleh dibuat secara atas talian melalui sistem *passport online.*

Walaubagaimanapun kebenaran untuk melakukan perjalanan keluar negara masih tertakluk kepada arahan semasa kerajaan.

**Can a new / replacement Malaysian Passport be applied during the Movement Control Order?**

Yes, you can apply for a new / replacement Malaysian Passport during MCO.

The new application can be submitted in person while the replacement can be applied online as well (via passport online system).

However, the permission to travel abroad is still subject to the current rules and regulations.

2. **Adakah saya boleh membuat rayuan bagi kes kehilangan atau kerosakan pasport dan di mana?**

Kes rayuan boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan rayuan di mana-mana Pejabat Imigresen Negeri atau Cawangan yang berhampiran dengan tempat tinggal.

**May I appeal for cases of lost or damaged Passport and where can this be done?**

All appeals can be submitted to State Immigration Office / Branch Offices closest to residence of the applicant.

3. **Adakah saya perlu membuat temujanji terlebih dahulu sebelum hadir membuat permohonan pasport?**

Ya. Semua urusan di Pejabat Imigresen hendaklah melalui temujanji di aplikasi

Sistem Temujanji Online (STO) **http://sto.imi.gov.my** (sila rujuk masa beroperasi UTC di laman sesawang Jabatan Imigresen Malaysia).

**Do I need to make an appointment to apply for a passport?**

Yes. All transactions at the Immigration Department are done on appointment basis only through http://sto.imi.gov.my (Kindly refer to the Immigration website for UTC operational hours).

## SEMAKAN KHAS:

**4. Adakah saya boleh datang terus ke kaunter atau membuat permohonan melalui email untuk semua urusan di Unit Semakan Khas?**

Semua urusan adalah melalui kaunter Unit Semakan Khas dan semua individu yang ingin berurusan harus mendapatkan tarikh temujanji terlebih dahulu melalui Sistem Temujanji Online (STO) - http://sto.imi.gov.my

Walaubagaimanapun bagi individu atau majikan yang berada di Sabah dan Sarawak boleh mengemukakan permohonan di Pejabat Jabatan Imigresen Negeri dan tindakan selanjutnya akan diuruskan oleh Pejabat Imigresen Negeri berkenaan.

**Do I need to present myself at the counter or can I submit an application via email for all transactions at Unit Semakan Khas?**

All transaction are done at the counter and applicants need to first make an appointment through STO application or http://sto.imi.gov.my .

However for individuals or employers who are in Sabah and Sarawak, the application can be submitted at the State Immigration Department.

**5. Bagaimanakah proses permohonan rayuan Surat Kemudahan (FL) dan Bukan Sabjek Sebenar (BSS) bagi Suami / Isteri / Balu / Janda / pemegang Pas Tanggungan warganegara asing yang berada di dalam Senarai Syak Jabatan?**

Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan oleh pasangan / Balu / Janda / pemegang Pas Tanggungan di kaunter Unit Semakan Khas mengikut tarikh temujanji dengan mengemukakan dokumen – dokumen seperti berikut:-

a. Surat rayuan daripada pemohon
b. Surat iringan dari Jabatan Imigresen Negeri (bagi yang telah mempunyai pas)
c. Sijil Nikah / Sijil Pendaftaran Perkahwinan
d. Pengesahan Perkahwinan daripada Negara asal

e. Salinan My Kad
f. Salinan Pasport
g. Dokumen lain yang berkaitan dengan sabjek rayuan.

**What is the appeal process for the Facility Letter application and Non Actual Subject (NAS) of Husband / Wife / Widow / Divorcee / holder of Dependent Pass whose name is in the Department's Suspect List?**

The appeal has to be submitted by the spouses of the Widow / Divorcee / holder of Dependent Pass at the **Unit Semakan Khas** counter on to the appointment date together with these documents:

a. Appeal letter from the applicant
b. Accompanying letter from the State Immigration Department (for those with a Pass)
c. Nikah Certificate / Marriage Registration Certificate
d. Marriage certification document from Country of origin
e. Copy of My Card
f. Copy of Passport
g. Other relevant documents for appeal purposes

**6. Bagaimanakah proses permohonan lanjutan Surat Kemudahan (FL) bagi Suami / Isteri / Balu / Janda / pemegang Pas Tanggungan yang telah memperolehi Surat Kemudahan (FL) sebelum ini?**

Salah seorang kepada pasangan / Balu / Janda / Pas Tanggungan di kehendaki hadir ke kaunter mengikut tarikh temujanji sekurang-kurangnya **SATU (01) bulan** sebelum Surat Kemudahan (FL) terdahulu tamat dengan mengemukakan dokumen Surat Rayuan dan salinan pas jangka panjang terkini.

**What is the process for the application of Facility Letter (FL) extension, for Husband / Wife / Widow / Divorcee / holder of Dependent Pass who had obtained FL before?**

Either of the spouse / Widow /Divorcee / Dependent Pass has to be present at Immigration office on to the appointment date at least one (1) month before the expiry of the previous FL with an appeal letter and a copy of the current long term pass.

**7. Bagaimanakah proses permohonan rayuan Surat Kemudahan (FL) / Surat Bukan Sabjek Sebenar (BSS) bagi pekerja warganegara asing yang berada di dalam Senarai Syak Jabatan?**

Permohonan rayuan hendaklah dikemukakan oleh majikan / wakil majikan di kaunter Unit Semakan Khas (mengikut tarikh temujanji) dengan mengemukakan surat rayuan dari syarikat serta dokumen – dokumen seperti berikut:-

a. Surat / Memo dari Jabatan Imigresen Putrajaya / Negeri
b. Salinan pasport pekerja asing
c. Surat wakil dan salinan My Kad wakil syarikat.
d. Salinan My Kad majikan.
e. Penyata Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
f. Surat Kemudahan / Surat BSS terdahulu dari Bahagian Keselamatan dan Pasport *(sekiranya ada)*

**What is the appeal process for the Facility Letter application / Non Actual Subject Letter (NAS) for the foreign workers who are on the Department's Suspect List?**

Appeal must be submitted by the employer / employer's representative at the Unit Semakan Khas counter (according to the appointment date) together with an appeal letter from the company with the following documents :

a. Letter / Memo from Immigration Department Putrajaya / State immigration
b. Passport copy of the foreign employee
c. Letter of representation and copy of My Card of the company representative
d. Copy of employer's My Card
e. Companies Commission of Malaysia (SSM) Statement
f. Facility Letter / previous NAS letter from Security and Passport Division (if any)

**KAWALAN;**

**8. Adakah pengesahan pas boleh dibuat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan bagi tujuan perkahwinan?**

Pengesahan pas bagi tujuan perkahwinan boleh dibuat untuk pemegang Pas Lawatan Sosial sahaja yang mana tempoh pas masih belum tamat dan memiliki pasport yang masih sahlaku.

**Can the verification of Pass be made during the Movement Control Order for the purpose of marriage?**

Yes, only for the purpose, verification of pass can be done by valid Social Visit Pass holders with a valid Passport.

**9. Bagaimanakah untuk mendapatkan pengesahan pas untuk tujuan berkahwin jika Pas Lawatan Sosial telah tamat tempoh?**

Pemohon perlu merujuk ke Bahagian Visa, Pas dan Permit atau Bahagian Operasi, Siasatan dan Pendakwaan untuk penyelarasan keberadaan di Malaysia sebelum boleh membuat pengesahan pas bagi tujuan berkahwin.

**How to do verification of pass for marriage if my Social Visit Pass already expired?**

The application need to be referred to Visa, Pass, and Permit Division or the Operation, Investigation, and Prosecution Division to determine the presence and the status of the applicant before the verification of Pass is made.

**10. Adakah pelawat asing yang telah dikeluarkan Pas Khas *“Making arrangement to leave the country”* layak membuat pengesahan pas tujuan berkahwin?**

Tidak layak.

**Can foreigners who has been issued a Special Pass for the purpose of “Making arrangement to leave the country”, eligible to do verification for marriage?**

No, they are not eligible.

**11. Adakah permohonan pengesahan pergerakan boleh dilaksanakan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Pengesahan pergerakan boleh dibuat dengan mengemukakan permohonan di Pejabat Imigresen Negeri atau Cawangan yang berhampiran secara hadir sendiri di kaunter atau melalui email **kawalanhq@gmail.com**.

**Can the movement verification still be made during the Movement Control Order period?**

Verification of movement can be submitted at State Immigration Department/ Branch Office (by being physically present or via kawalanhq@gmail.com.

**12. Bolehkah warganegara Malaysia membuat pergerakan keluar negara dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan?**

Boleh, dengan syarat perlu memohon kebenaran keluar negara melalui sistem *MyTravelPass (MTP)* Jabatan Imigresen Malaysia mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Sila layari **https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main** untuk maklumat lanjut dan syarat-syarat permohonan.

**Can a Malaysian leave the country during the Movement Control Order period?**

Yes provided the application is submitted through MyTravelPass System (MTP) and subject to the SOPs. Kindly browse https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main for further information.

**13. Adakah warganegara Malaysia yang memegang status Penduduk Tetap atau pemegang pas jangka panjang di negara lain dibenarkan untuk meninggalkan Malaysia?**

Warganegara Malaysia dengan status Penduduk Tetap atau pemegang pas jangka panjang di negara lain adalah **DIBENARKAN** untuk meninggalkan Malaysia **tanpa perlu mohon kebenaran melalui MyTravelPass** dengan **syarat menunjukkan bukti status** yang sah kepada pegawai imigresen di Pintu Keluar negara.

**Can a Malaysian Citizen who holds a Permanent Resident or a Long Term Pass in a foreign country be allowed to leave the Malaysia?**

Malaysian with the status of Permanent Resident / holders of Long Term Pass in a foreign country is ALLOWED to leave Malaysia without having to apply for permission (via My TravelPass ), provided proper documents are shown at exit points.

**14. Adakah warganegara Malaysia yang berada di luar negara ingin kembali semula ke negara perlu memohon kebenaran?**

Tidak perlu memohon kebenaran.

**Does a Malaysian citizen who wishes to return Malaysia, need to obtain consent?**

No, there is no need for approval to return to Malaysia.

**15. Adakah warganegara Malaysia boleh membuat pergerakan ke luar negara?**

Warganegara Malaysia **boleh dibenarkan** membuat pergerakan ke luar negara tertakluk kepada tujuan/kategori berkaitan dan perlu memohon kebenaran melalui MyTravelPass:

| BIL. | TUJUAN / KATEGORI | KEPERLUAN MEMOHON MYTRAVELPASS (MTP) | |
|---|---|---|---|
| | | PERLU | TIDAK PERLU |
| 1. | **Bertugas di Kedutaan Malaysia di luar negara**<br>- Diplomat Malaysia/Pegawai Kedutaan dan termasuk tanggungan | - | √ |
| 2. | **Meneruskan pengajian**<br>- Pelajar Malaysia dan tanggungan dengan syarat memiliki visa pelajar/tanggungan yang sah | - | √ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Mengiringi pelajar (lama / baharu) ke luar negara bagi tujuan belajar**<br>- terhad kepada dua orang sahaja dan perlu keluar bersama-sama pelajar pada masa yang sama | - | √ |
| 4. | Penduduk Tetap atau pemegang pas jangka panjang di negara ketiga | - | √ |
| 5. | Bekerja dengan syarikat petroleum dan perkapalan yang **perlu *sign-on*** ke atas kapal di luar negara | - | √ |
| 6. | Baru mendapat tawaran bekerja atau belajar di luar negara | √ | - |
| 7. | Pelajar yang ingin menduduki peperiksaan di luar negara | √ | - |
| 8. | Menghadiri mesyuarat / seminar / pameran / urusan perniagaan / pertandingan sukan / latihan di luar negara | √ | - |
| 9. | Urusan kecemasan ahli keluarga terdekat (kematian / ahli keluarga ditimpa kemalangan / sakit) | √ | - |
| 10. | Pemegang Visa Pasangan / Tunangan (Perkahwinan yang tidak didaftarkan secara sah) | √ | - |
| 11. | Melancong / bercuti ke luar negara | **TIDAK DIBENARKAN** | |
| 12. | Lawatan biasa ke luar negara | | |

**Are Malaysian Citizen allowed to travel abroad during MCO?**

Yes, Malaysian Citizens **are allowed** to travel abroad depending on the purposes/categories of travel and subject to the result of application through MyTravelPass system.

| **NO.** | **PURPOSE / CATEGORY** | **MYTRAVELPASS (MTP) APPLICATION** | |
|---|---|---|---|
| | | **REQUIRE** | **NOT REQUIRE** |
| 1. | **Officers/Staff at Malaysian Embassy /** | - | √ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **High Commission Office Abroad**<br>- including the dependents | | |
| 2. | **Furthering study abroad**<br>- Malaysian Student and their dependents with valid Visa for both categories | - | √ |
| 3. | **Accompanying student (existing/new) studying abroad**<br>- limited to two persons only and need to depart together with the student | - | √ |
| 4. | Permanent Resident or holder of Long Term Pass of the third country | - | √ |
| 5. | Employee of Petroleum Company and Shipping who **needs to sign onto** vessels abroad | - | √ |
| 6. | New employment or new student with valid offer letter of employment/ study | √ | - |
| 7. | Sitting for examination abroad | √ | - |
| 8. | To attend meeting / seminar / exhibition / business travel / sport tournament / training abroad | √ | - |
| 9. | **Emergency matters** related to next of kins (death, critical condition due to accident / critically ill) | √ | - |
| 10. | Holder of Partner / Fiancee Visa (unregistered marriage) | √ | - |
| 11. | Vacation / traveling | **NOT ALLOWED** | |
| 12. | Social visit abroad | | |

**16. Saya adalah seorang pelaut warganegara Malaysia yang berulang alik dari Malaysia ke luar negara, adakah saya perlu memohon kebenaran dari Jabatan Imigresen Malaysia?**

Tidak perlu, dengan syarat mengemukakan bukti dan dokumen sokongan seperti buku pelaut, *Letter of Guarantee* (LG) atau surat dari majikan kepada pegawai imigresen di pintu masuk.

**I am a Malaysian seaman who travels back and forth from Malaysia to overseas. Do I have to obtain approval from the Immigration Department of Malaysia?**

There is no need for approval, provided that you produce evidence and supporting documents such as Seaman Book, Letter of Guarantee (LG) or Letter from the Employer at the point of entry.

**17. Adakah warganegara asing boleh masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP?**

Boleh, dengan syarat perlu memohon kebenaran masuk negara melalui sistem *MyTravelPass (MTP)* Jabatan Imigresen Malaysia di **https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main** mengikut kategori masing-masing dan tertakluk kepada syarat serta peraturan semasa.

**Can a foreigner enter Malaysia during Movement Control Order?**

Yes, subject to approval from the Immigration Deparment of Malaysia. All application must be submitted through the MyTravelPass (MTP) system, at https://mtp.imi.gov.my/myTravelPass/main.

**18. Apakah kategori warganegara asing yang PERLU memohon kebenaran masuk ke Malaysia dalam tempoh PKP?**

Semua kategori pelawat asing seperti berikut dan perlu memohon MTP mengikut kategori masing-masing:

| BIL. | KATEGORI | KATEGORI MYTRAVEL PASS (MTP) |
|---|---|---|
| 1. | Pasangan Warganegara / Pasangan kepada Penduduk Tetap Malaysia - termasuk yang telah memiliki pas mengikut pasangan di Malaysia atau yang telah mendaftar perkahwinan di | **Spouse Of Malaysian / Spouse Of Malaysian Permanent Resident / Children Of Malaysian Citizen / Children Of Permanent Resident** |

| | | |
|---|---|---|
| | luar negara | |
| 2. | Anak kepada warganegara berstatus bukan warganegara / belum ditentukan status | **Spouse Of Malaysian / Spouse Of Malaysian Permanent Resident / Children Of Malaysian Citizen / Children Of Permanent Resident** |
| 3. | Pemastautin Tetap Malaysia | **Foreign (Social Visit) / Permanent Resident** |
| 4. | Peserta di bawah Program *Malaysia My Second Home (MM2H)* termasuk tanggungan dan Pembantu Rumah Asingnya | **Malaysia My Second Home (MM2H)** |
| 5. | Semua kategori pemegang pas di bawah Ekspatriat termasuk Diplomat Asing dan tanggungan | **MyEntry (Expatriate)** |
| 6. | Pelajar antarabangsa (Pengajian Tinggi & Sekolah) | **Higher Education Institutions or International /Private/ Government School** |
| 7. | Untuk tujuan perubatan / rawatan | **Melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) at www.mhtc.org.my** |
| 8. | Pekerja asing / Pembantu Rumah Asing (sedia ada / baharu) | **Foreign workers / MAID** |
| 9. | Tujuan kecemasan/ kematian/ lawatan perniagaan / pelaburan) | **Foreign (Social Visit) / Permanent Resident** |
| 10. | Warganegara Singapura / Pemegang Status Permastautin Tetap Singapura / Pemegang Pas Jangka Panjang Singapura - bagi tujuan perniagaan / rasmi | **RECIPROCAL GREEN LANE (RGL)** **- currently suspended until further notice** |
| 11. | Warganegara Singapura / Pemegang | **PERIODICAL COMMUTING ARRANGEMENT (PCA)** |

| | | |
|---|---|---|
| | Status Permastautin Tetap Singapura yang merupakan Pemegang Pas Jangka Panjang di Malaysia - bagi tujuan bekerja sahaja | |
| 12. | Kecemasan kematian / sakit tenat (antara Malaysia - Singapura) | **DEATH AND CRITICALLY ILL EMERGENCY VISITS** |
| 13. | Tujuan menjalani latihan / penyelenggaraan mesin | **MyEntry (Expatriate)** |
| 14. | Pelawat Perniagaan jangka pendek | **MyEntry (Expatriate) - short term business travelers** |
| 15. | Pemegang Pas Lawatan (Ikhtisas) | **Professional Visit Pass Holder (PLIK)** |

**What are the categories of foreigners that need to apply for permission to enter Malaysia during the Movement Control Order period?**

| NO. | CATEGORIES OF FOREIGNERS | MYTRAVEL PASS (MTP) 'S CATEGORIES |
|---|---|---|
| 1. | Spouse of Malaysian or Permanent Resident<br>- including those posses Malaysian Spouse Visa or had registered marriage abroad | **Spouse Of Malaysian / Spouse Of Malaysian Permanent Resident / Children Of Malaysian Citizen / Children Of Permanent Resident** |
| 2. | Children of Malaysian citizen with non-citizen of Malaysia status / undetermined status | **Spouse Of Malaysian / Spouse Of Malaysian Permanent Resident / Children Of Malaysian Citizen / Children Of Permanent Resident** |

| | | |
|---|---|---|
| 3. | Permanent Residence of Malaysia | **Foreign (Social Visit) / Permanent Resident** |
| 4. | Holder of Malaysia My Second Home (MM2H) program including the dependent and the foreign Domestic Servant | **Malaysia My Second Home (MM2H)** |
| 5. | All categories of Employment Pass holders including Foreign Diplomats and their dependents | **MyEntry (Expatriate)** |
| 6. | Foreign Students (Higher education & school) | **Higher Education Institutions or International /Private/ Government School** |
| 7. | For medical treatment | **Melalui Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC) at www.mhtc.org.my** |
| 8. | Foreign Workers / Foreign Maid (existing workers / new) | **Foreign workers / MAID** |
| 9. | Social Visiting ( for the purpose of emergency / death / business visit / investment ) | **Foreign (Social Visit) / Permanent Resident** |
| 10. | Singapore Citizen / Permanent Resident of Singapore / Long Term Pass holder of Singapore – for the purpose of business / Official | **RECIPROCAL GREEN LANE (RGL)** **- currently suspended until further notice** |
| 11. | Singapore Citizen / Permanent Resident of Singapore who is a holder of Long Term Pass Malaysia-for the purpose of employment only | **PERIODICAL COMMUTING ARRANGEMENT (PCA)** |
| 12. | Death and Critically Ill Emergency Visit (DCEV) between Malaysia - Singapore | **DEATH AND CRITICALLY ILL EMERGENCY VISITS** |

| | | |
|---|---|---|
| 14. | Training / machine installation / machine repairing | **MyEntry (Expatriate)** |
| 14. | Short Term Business Traveller | **MyEntry (Expatriate) - short term business traveler** |
| 15. | Holder of Professional Visit Pass (PVP) | **Professional Visit Pass Holder (PLIK)** |

**19. Negara manakah yang disekat kemasukan ke Malaysia?**

Warganegara asing termasuk pemegang pas jangka panjang (kecuali warganegara Malaysia) dari negara-negara yang disenaraikan di bawah adalah **DISEKAT KEMASUKAN** ke Malaysia seperti berikut:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Amerika Syarikat | Bangladesh | Indonesia | Mexico | Sepanyol |
| Argentina | Chile | Iran | Pakistan | Turki |
| Arab Saudi | Colombia | Iraq | Perancis | United Kingdom |
| Afrika Selatan | Filipina | Itali | Peru | Nepal |
| Brazil | India | Jerman | Rusia | Sri Lanka |

**Which are the countries restricted from entering Malaysia?**

Foreigners including holder of long term pass (except Malaysian) from countries listed below are **RESTRICTED** from entering Malaysia:

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| United State of America | Bangladesh | Indonesia | Mexico | Sepanyol |
| Argentine | Chile | Iran | Pakistan | Turkey |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Saudi Arabia | Colombia | Iraq | France | United Kingdom |
| South Africa | Filipina | Italy | Peru | Nepal |
| Brazil | India | German | Russia | Sri Lanka |

**20.** Malaysia telah mengenakan sekatan tambahan ke atas negara India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal. Apakah syarat tambahan tersebut?

**i.** Sekatan kemasukan bagi semua pemegang pas jangka panjang Malaysia, pelawat perniagaan dan bagi tujuan lawatan sosial **kecuali Penduduk Tetap Malaysia dan pasangan kepada warganegara dengan syarat memperolehi kelulusan masuk.**

**ii.** Kelulusan masuk yang telah diperolehi sama ada melalui MyTravelPass, MyEntry atau lain-lain kelulusan sebelum **tarikh 28 April 2021 (bagi India) dan 8 Mei 2021 (bagi Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal) adalah TERBATAL.**

iii. Warganegara asing yang memulakan penerbangan daripada India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal sama ada penerbangan terus atau transit tidak dibenarkan memasuki Malaysia.

iv. Transit dari atau untuk ke negara India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh dan Nepal juga tidak dibenarkan.

v. Sekatan sementara penerbangan masuk dan keluar dari negara India.

vi. Kapal laut yang mempunyai sejarah perjalanan dari 5 negara tersebut tidak dibenarkan menjalani prosedur *sign on dan sign off* di Malaysia kecuali bagi krew warganegara Malaysia.

Malaysia has imposed additional restrictions on India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, and Nepal. What are the additional restrictions?

i. Entry restriction for all Malaysia long-term pass holders, business visitors, and individuals coming in for Social Visit, except for Malaysian Permanent

Resident and spouses of Malaysian citizens. Prior approval needs to be obtained before entry.

ii. Entry approvals obtained before 28 April 2021 (India) and 8 Mei 2021 (Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, and Nepal) through MyTravelPass (MTP), MyEntry, or any other form of approval is NO LONGER VALID.

iii. Foreigners whose flights (either direct or indirect) originate from India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, and Nepal are not allowed to enter Malaysia.

iv. Transit to or from India, Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh, and Nepal is also not allowed.

v. Temporary restriction on flights to and from India.

vi. Sea vessels with a history of traveling to the five above-mentioned countries are not allowed to undergo the sign-on and sign-off procedures in Malaysia except for crews of Malaysian nationality.

**21.** Adakah warganegara Malaysia dibenarkan untuk membuat perjalanan ke negara-negara yang disekat tersebut?

Tidak dibenarkan.

Are Malaysians allowed to travel to the above-mentioned restricted countries?

No, they are not allowed to travel to the restricted countries.

**22. Adakah penerbangan transit warganegara asing di Malaysia dibenarkan?**

Penerbangan transit untuk ke negara ketiga tanpa memasuki Malaysia atau melepasi pemeriksaan Imigresen dibenarkan tanpa perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Imigresen Malaysia dengan syarat:

a) penumpang tersebut mempunyai tiket penerbangan ke destinasi seterusnya;
b) mempunyai pengesahan dibenarkan masuk / diterima masuk ke negara yang dituju; dan
c) telah menempah penginapan di Sama-sama Express sekiranya terpaksa bermalam.

**Are foreigners allowed to transit flights in Malaysia?**

Transit flights to third country without entering Malaysia or without Malaysian Immigration check is allowed. No prior approval is needed to enter Malaysia with condition that :

a) The traveler has a valid ticket to the next destination;
b) The traveler already obtained consent for entry into the destination country.
c) The traveler has booking confirmation at Sama Sama Express hotel if forced to stay.

**23. Adakah kapten, krew dan jurutera penerbangan boleh dibenarkan masuk tanpa memohon kebenaran?**

Kapten, krew dan jurutera penerbangan komersial atau persendirian adalah:

a) dibenarkan masuk atau keluar tanpa memohon kelulusan melalui *MyTravelPass (MTP)* dengan syarat memiliki *General Declaration (GD)* untuk penerbangan seterusnya; atau

b) dibenarkan masuk tanpa memohon kelulusan melalui *MyTravelPass (MTP)* sebagai penumpang dan keluar sebagai *'operating crew'* bagi penerbangan seterusnya dengan syarat memiliki *General Declaration (GD)* untuk penerbangan seterusnya.

**Are Captains, flight crews and engineers allowed entry without prior permission?**

Captains, crew and engineers of commercial or private flights are:

a) allowed entry and exit without obtaining prior approval through MyTravelPass (MTP) with condition that he/she has General Declaration (GD) for the onward flight; or

b) allowed to enter without obtaining prior approval through MyTravelPass (MTP) as a passenger and exit as an 'operating crew' for the onward flight with a condition that he/she has General Declaration (GD) for the onward flight.

**Bahagian Keselamatan dan Pasport**
**19 Julai 2021**